

**TERMS AND CONDITIONS FOR TERM LOAN APPLICATION FOR AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) /
TERMA DAN SYARAT BAGI PERMOHONAN PINJAMAN BERJANGKA UNTUK AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB)****1.0 DOCUMENTATION / DOKUMENTASI**

- 1.1** Definition of Customer refers to the applicant and the guarantor (if any) named in the Application Form upon approval of the Facility by the Bank.
Takrif bagi Pelanggan merujuk pemohon dan penjamin (jika ada) yang dinamakan dalam Borang Permohonan selepas Kemudahan diluluskan oleh Bank.
- 1.2** The applicant and the guarantor (if any) named in the Application Form agrees with Affin Bank Berhad ("Bank") that this General Terms and Conditions ("T&C") shall be read together with the Application Form executed by the Customer and shall bind the applicant and the guarantor (if any) whose application for Term Loan Secured by ASB Certificate ("Facility") has been approved by the Bank.
Pemohon dan penjamin (jika ada) yang dinamakan dalam Borang Permohonan bersetuju dengan Affin Bank Berhad ("Bank") bahawa Terma dan Syarat Am (Terma & Syarat) ini akan dibaca bersama Borang Permohonan yang dilaksanakan oleh Pelanggan dan akan mengikat pemohon dan penjamin (jika ada) yang permohonannya untuk Pinjaman Bertempoh yang Dijamin oleh Sijil ASB ("Kemudahan") telah diluluskan oleh Bank.
- 1.3** This T&C and all other documents relating to the Facility shall form a binding agreement of this Facility.
Terma & Syarat ini dan semua dokumen lain berkaitan dengan Kemudahan akan membentuk perjanjian mengikat bagi Kemudahan ini.
- 1.4** This T&C will take effect from the date this Facility is approved.
Terma & Syarat ini akan berkuat kuasa dari tarikh Kemudahan ini diluluskan.

2.0 TERM LOAN FACILITY / KEMUDAHAN PINJAMAN BERTEMPOH

- 2.1** The Facility is to loan the following:-
Kemudahan ini adalah sebagai pinjaman bagi perkara yang berikut:-
- (a) purchase of Amanah Saham Bumiputera ("ASB") units from Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") by Customer as stated in the Application Form or such other number of ASB units that the Customer shall be entitled to purchase as determined by ASNB. The maximum ASB units purchase amount is up to RM200,000.00 per Customer, at any one time including the balance outstanding of the existing ASB loan (if any), or up to the maximum investment amount allowed by ASNB, whichever is lower; and
pembelian unit Amanah Saham Bumiputera ("ASB") dari Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") oleh Pelanggan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau jumlah unit ASB lain seumpamanya yang layak dibeli oleh Pelanggan seperti yang ditentukan oleh ASNB. Amaximum maksimum bagi unit ASB yang boleh dibeli adalah sehingga RM200,000.00 bagi setiap Pelanggan, pada satu-satu masa termasuk baki yang belum dijelaskan bagi pinjaman ASB sedia ada (jika ada), atau sehingga amaun pelaburan maksimum yang dibenarkan oleh ASNB, mengikut mana-mana yang lebih rendah; dan
- (b) Reducing Term Assurance ("RTA") premium as stated in the Application Form up to a maximum of five percent (5%) of the total value of ASB units purchased, if applicable. If RTA is self-financed, the Customer is to forward written confirmation from the preferred insurer on the RTA premium payment and enforcement of policy prior to disbursement.
Premium Insurans Tempoh Berkurang ("RTA") sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan sehingga maksimum lima peratus (5%) daripada nilai keseluruhan unit ASB yang dibeli, jika berkenaan. Jika RTA dibiayai sendiri, Pelanggan perlu mengemukakan pengesahan bertulis daripada penanggung insurans pilihan tentang bayaran premium RTA dan penguatkuasaan polisi sebelum pengeluaran wang.
- 2.2** Upon approval of the Facility, the Bank shall deliver to the Customer an Approval Notice stating the Facility amount inclusive of RTA premium (if any) approved, total ASB units (which is equivalent to the Facility amount) charged to the Bank, interest rate, monthly instalment, fees and other charges and any other T&C. The Approval Notice shall be a computer generated notice.
Selepas Kemudahan diluluskan, Bank hendaklah menyerahkan Notis Kelulusan kepada Pelanggan yang menyatakan amaun Kemudahan termasuk premium RTA (jika ada) yang diluluskan, jumlah unit ASB (yang setara dengan amaun Kemudahan) yang dicagarkan kepada Bank, kadar faedah, ansuran bulanan, fi serta caj lain dan apa-apa Terma & Syarat lain. Notis Kelulusan ialah notis cetakan komputer.

3.0 ASB UNITS AS SECURITY / UNIT ASB SEBAGAI SEKURITI

- 3.1** The Facility shall be secured against Amanah Saham Bumiputera (ASB) units of such amount determined by the Bank.
Kemudahan hendaklah dijamin dengan unit Amanah Saham Bumiputera (ASB) dalam amaun yang ditentukan oleh Bank.
- 3.2** The Bank will hold ASB Certificate in its custody, whether in physical or electronic form as security for the Facility.
Bank akan memegang Sijil ASB dalam jagaannya, sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik sebagai sekuriti bagi Kemudahan.
- 3.3** During the continuance of the Facility until the whole Facility is satisfied in full, the ASB units shall not be withdrawn or assigned or transferred nor a trust created over the same nor any rights over the same be created in favour of or granted to any party.
Sepanjang tempoh Kemudahan ini diteruskan sehingga semua Kemudahan diselesaikan sepenuhnya, unit ASB tidak boleh dikeluarkan atau diserahkan hak atau dipindah milik ataupun diwujudkan amanah ke atasnya atau diwujudkan apa-apa hak ke atas unit tersebut bagi atau diberikan kepada mana-mana pihak.

4.0 PRESCRIBED RATE / KADAR DITETAPKAN

- 4.1** Interest rate as specified in the Application Form is effective from the date of Disbursement Notice till full settlement of the account.
Kadar faedah sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan berkuat kuasa dari tarikh Notis Pengeluaran Wang sehingga penyelesaian penuh akaun.
- 4.2** The current Standardised Base Rate (BR) is as specified in the Application Form and is subject to change of which the Bank shall provide a written advance notice on the revised monthly instalment amount at least seven (7) calendar days' prior to the date of the revised monthly instalment comes into.
Kadar Asas Standard (KAS) semasa adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan dan tertakluk kepada perubahan yang akan diberikan notis bertulis oleh Bank terlebih dahulu berkenaan amaun ansuran bulanan yang disemak semula sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh ansuran bulanan yang disemak semula dikuatkuasakan.
- 4.3** The interest rate is calculated on monthly balance basis and applied monthly is subject to change of which the Bank shall provide a written advance notice on the revised monthly instalment amount at least seven (7) calendar days' prior to the date of the revised monthly instalment comes into.
Kadar faedah yang dikira berdasarkan baki bulanan dan digunakan setiap bulan adalah tertakluk kepada perubahan yang akan diberikan notis bertulis oleh Bank terlebih dahulu berkenaan amaun ansuran bulanan yang disemak semula sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh ansuran bulanan yang disemak semula dikuatkuasakan.
- 4.4** The Prescribed Rate as specified in the Application Form is offered to the Customer on the basis that the Customer continuously service the monthly instalment promptly.
Kadar Ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan ditawarkan kepada Pelanggan atas dasar Pelanggan terus membayar ansuran bulanan dengan segera.

5.0 LATE CHARGES / CAJ LEWAT

- 5.1** Interest on the late payment of interest and/or instalment will be charged at the rate of 1% p.a. on a daily rest basis or at such rate as the Bank may from time to time stipulate, upon giving the Customer 21 calendar days' prior notice and will be charged on the next day after due date.
Faedah ke atas pembayaran lewat faedah dan/atau ansuran akan dikenakan pada kadar 1% setahun berdasarkan kiraan atas baki harian atau pada kadar seperti yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa, selepas memberikan notis 21 hari kalendar kepada Pelanggan terlebih dahulu dan akan dikenakan pada hari berikutnya selepas tarikh perlu dibayar.
- 5.2** The late payment charges will not be added to the outstanding amount in arrears for computing interest or profit due.
Caj pembayaran lewat tidak akan ditambah kepada amaun belum dijelaskan yang tertunggak untuk pengiraan faedah atau keuntungan yang perlu dibayar.

6.0 AVAILABILITY PERIOD / TEMPOH KETERSEDIAAN

6.1 Full drawdown of the Facility is to be made within six (6) months from the date of Application Form, or such extended time as the Bank may allow at its discretion, failing which the Bank reserves the right to cancel the Facility granted and recover the actual costs, fees and expenses (on full indemnity basis) incurred by the Bank.

Penggunaan sepenuhnya Kemudahan ini perlu dibuat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Borang Permohonan, atau masa lanjutan seumpamanya seperti yang boleh dibenarkan oleh Bank mengikut budi bicaranya. Jika gagal berbuat demikian, Bank berhak membatalkan Kemudahan yang diberikan dan mendapatkan kembali kos, fi dan perbelanjaan sebenar (berdasarkan tanggung rugi penuh) yang ditanggung oleh Bank.

7.0 CONDITIONS PRECEDENT FOR DISBURSEMENT / SYARAT TERDAHULU BAGI PENGELUARAN WANG

7.1 Drawdown of the Facility (as revised, restructured, renewed or supplemented from time to time by the Bank) is upon fulfillment of the following conditions precedent and such other conditions precedent as the Bank may require upon notice to the Customer. There must also not be any material changes affecting the Customer's financial condition and that none of the events set out in clause 19 of this T&C has occurred or may occur:

Penggunaan Kemudahan (sebagaimana disemak semula, disusun semula, diperbaharui atau ditambah dari semasa ke semasa oleh Bank) adalah selepas pematuhan syarat terdahulu yang berikut dan syarat terdahulu lain seumpamanya yang mungkin dikehendaki oleh Bank selepas memberikan notis kepada Pelanggan. Tidak ada juga apa-apa perubahan ketara yang menjejaskan keadaan kewangan Pelanggan dan tidak ada satu pun kejadian yang dinyatakan dalam fasal 19 Terma & Syarat ini yang telah berlaku atau mungkin berlaku:

- (a) receipt by the Bank of a duly accepted and signed Application Form together with the relevant documents;
Bank menerima Borang Permohonan yang diterima dan ditandatangani sewajarnya berserta dokumen yang berkaitan;
- (b) receipt by the Bank of ASNB Unit Trust Financing Risk Disclosure Statement;
Bank menerima Penyata Pendedahan Risiko Pembiayaan Unit Amanah ASNB;
- (c) receipt by the Bank of any insurance policies/Letter of Acceptance issued by the Bank's approved insurance company as a case may be required by the Bank, (insurance policies shall be in form and content acceptable to the Bank and provided by insurers acceptable to the Bank), unless waived by the Bank;

Bank menerima apa-apa polisi insurans/Surat Setuju Terima yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang diluluskan oleh Bank mengikut mana-mana yang berkenaan seperti yang dikehendaki oleh Bank, (polisi insurans hendaklah dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank dan disediakan oleh penanggung insurans yang diterima oleh Bank,) melainkan diketepikan oleh Bank;

- (d) receipt by the Bank of the confirmation from ASNB regarding the Customer's entitlement to purchase the relevant ASB Units;
Bank menerima pengesahan daripada ASNB berkenaan kelayakan Pelanggan untuk membeli Unit ASB yang berkaitan;
- (e) receipt by the Bank of a favorable results from searches and no negative indications from CCRIS, FIS or any other reference agencies considered necessary by the Bank;
Bank menerima keputusan yang memuaskan daripada carian dan tiada penunjuk negatif daripada CCRIS, FIS atau mana-mana agensi rujukan lain yang dianggap perlu oleh Bank;
- (f) receipt by the Bank of the Processing Fee (if applicable);
Bank menerima Fi Pemprosesan (jika berkenaan);
- (g) the Customer is encouraged to open and maintain a Savings/Current account with the Bank. This requirement is exempted for the Bank's existing account holder. The Customer is encouraged to ensure that sufficient fund is maintained in the Savings/Current account for the payment of monthly instalment under the facility;
Pelanggan digalakkan untuk membuka dan mengekalkan akaun Simpanan/Semasa dengan Bank. Keperluan ini dikecualikan bagi pemegang akaun Bank sedia ada. Pelanggan digalakkan untuk memastikan dana yang mencukupi dikekalkan dalam akaun Simpanan/Semasa bagi pembayaran ansuran bulanan di bawah Kemudahan;
- (h) if the RTA premium is self-financed by the Customer, the Customer is to forward written confirmation from their preferred Insurance operator with regard to RTA coverage, premium payment and enforcement of policy prior to disbursement;
jika premium RTA dibiayai sendiri oleh Pelanggan, maka Pelanggan perlu mengemukakan pengesahan bertulis daripada pengendali Insurans pilihan mereka berkenaan perlindungan RTA, pembayaran premium dan penguatkuasaan polisi sebelum pengeluaran wang;
- (i) the additional conditions precedent (if any) shall have been satisfied and fulfilled; and
syarat terdahulu tambahan (jika ada) hendaklah dipenuhi dan dipatuhi; dan
- (j) Stamp Duty and ASNB Certificate fee shall be deducted from ASB loan account.
Duti Setem dan fi Sijil ASNB hendaklah ditolak daripada akaun pinjaman ASB.

7.2 The conditions to disbursement set out in this T&C are intended for the sole benefit of the Bank and may be waived by the Bank, in whole or in part, without prejudicing the right of the Bank to assert such T&C, in whole or in part, in respect of subsequent utilisation of the Facility.

Syarat pengeluaran wang yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini bertujuan untuk manfaat tunggal Bank dan mungkin diketepikan oleh Bank, keseluruhannya atau sebahagiannya, tanpa memudaratkan hak Bank untuk menetapkan Terma & Syarat tersebut, keseluruhannya atau sebahagiannya, berhubung dengan penggunaan Kemudahan yang berikutnya.

8.0 RIGHT TO REVIEW AND TERMINATE THE FACILITY / HAK UNTUK MENYEMAK SEMULA DAN MENAMATKAN KEMUDAHAN

8.1 The Bank reserves the right and is entitled to review the Facility at any time as the Bank considers fit.

Bank berhak dan layak untuk menyemak semula Kemudahan pada bila-bila masa seperti yang dianggap sesuai oleh Bank.

8.2 The Bank has the right to terminate the Facility with reasonable notice.

Bank berhak menamatkan Kemudahan dengan notis sewajarnya.

8.3 The Bank shall provide at least 21 calendar days' prior notice to the Customer before making any changes to the T&C.

Bank hendaklah memberikan sekurang-kurangnya 21 hari kalendar notis terdahulu kepada Pelanggan sebelum membuat apa-apa perubahan pada Terma & Syarat.

8.4 Notwithstanding any other provision contained in this T&C or in any other document, the Bank will at all times have the right to terminate, cancel, suspend or reduce the limit of all or any part of the Facility and/or to require immediate payment, any form of additional security and/or cash collateralisation of all or any part of the sums actually or contingently owing to it. Reasonable notice will be given by the Bank.

Dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan lain yang terkandung dalam Terma & Syarat ini atau dalam mana-mana dokumen lain, Bank akan pada setiap masa berhak untuk menamatkan, membatalkan, menggantung atau mengurangkan had semua atau mana-mana bahagian Kemudahan dan/atau mengkehendaki bayaran segera, apa-apa bentuk sekuriti tambahan dan/atau cagaran tunai bagi semua atau mana-mana bahagian jumlah yang sebenarnya atau secara luar jangka terhutang padanya. Notis sewajarnya akan diberikan oleh Bank.

8.5 If in the event that the Facility is terminated after the Facility Amount has been remitted to ASNB and the ASB Certificate has been issued, the Bank shall proceed to redeem the ASB Certificate and the proceeds shall be used to settle the outstanding amount under the Facility.

Sekiranya Kemudahan ditamatkan selepas Amaun Kemudahan diremitkan kepada ASNB dan Sijil ASNB telah dikeluarkan, Bank akan meneruskan penebusan bagi Sijil ASNB dan hasilnya akan digunakan untuk menyelesaikan amaun yang belum dijelaskan di bawah Kemudahan.

8.6 In the event the proceeds are insufficient to settle the outstanding, the Customer shall pay the differential sum with interest accruing on it.

Sekiranya hasil tidak mencukupi untuk menyelesaikan baki yang belum dijelaskan, Pelanggan hendaklah membayar perbezaan jumlah dengan faedah yang terakru padanya.

9.0 REPAYMENT / PEMBAYARAN BALIK

- 9.1** The Customer shall be liable to pay to the Bank such amounts as set out in the Disbursement Notice or as shall be notified by the Bank as the sum owing and payable to the Bank within such time as specified in the Disbursement Notice, as the case may be.
Pelanggan bertanggung untuk membayar kepada Bank amaun tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pengeluaran Wang atau seperti yang akan dimaklumkan oleh Bank sebagai jumlah terutang dan perlu dibayar kepada Bank dalam tempoh seumpamanya sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pengeluaran Wang, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 9.2** The monthly instalment is subject to adjustment due to variation on the Prescribed Rate.
Ansuran bulanan tertakluk kepada pelarasan disebabkan perubahan pada Kadar Ditetapkan.
- 9.3** The first Instalment Payment shall commence immediately upon full disbursement as advised by the Bank subject to adjustment on the monthly instalment or loan tenure to be made by the Bank at the Bank's discretion until full settlement of the Facility.
Bayaran Ansuran pertama akan bermula sebaik sahaja selepas pengeluaran wang penuh seperti yang dimaklumkan oleh Bank tertakluk kepada pelarasan pada ansuran bulanan atau tempoh pinjaman yang akan dibuat oleh Bank mengikut budi bicara Bank sehingga penyelesaian penuh Kemudahan.
- 9.4** In the event that full disbursement of the loan is made within 1st to 15th day of the month, the monthly instalment shall fall due on the 1st day of the following month. Should full disbursement falls after the 15th of the month, the monthly instalment shall be due payable on the 1st day of the next following month.
Sekiranya pengeluaran wang penuh bagi pinjaman dibuat antara hari pertama hingga ke-15 dalam bulan tersebut, ansuran bulanan akan kena dibayar pada hari pertama bulan berikutnya. Jika pengeluaran wang penuh jatuh pada hari ke-15 dalam bulan tersebut, ansuran bulanan akan perlu dibayar dan kena dibayar pada hari pertama bulan berikutnya.
- 9.5** In the event the Prescribed Rate is varied, the Bank reserves the right to vary the instalment amount accordingly with a written advance notice of not less than 21 calendar days to the Customer.
Sekiranya Kadar Ditetapkan berubah, Bank berhak untuk mengubah amaun ansuran sewajarnya dengan notis bertulis terlebih dahulu tidak kurang dari 21 hari kalendar kepada Pelanggan.

10.0 EARLY SETTLEMENT / PENYELESAIAN AWAL

- 10.1** The Customer is entitled to make early settlement of the Facility at any time during the tenure of the Facility by giving at least 1 month advance written notice to the Bank and paying the settlement amount to the Bank.
Pelanggan berhak membuat penyelesaian awal bagi Kemudahan pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kemudahan dengan memberikan sekurang-kurangnya 1 bulan notis bertulis kepada Bank terlebih dahulu dan membayar amaun penyelesaian kepada Bank.

11.0 PREPAYMENT / BAYARAN TERDAHULU

- 11.1** The Customer is entitled to make prepayment of the Facility whether in part or in full at any time during the tenure of the Facility by giving at least 1 month advance written notice to the Bank and paying the settlement amount to the Bank.
Pelanggan berhak membuat bayaran terdahulu bagi Kemudahan sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kemudahan dengan memberikan sekurang-kurangnya 1 bulan notis bertulis kepada Bank terlebih dahulu dan membayar amaun penyelesaian kepada Bank.
- 11.2** The prepayment amount shall be applied by the Bank to part settle the Facility at the time prepayment amount is received by the Bank. The Customer shall continue to pay the Instalment(s) in accordance with the T&C of this Agreement until fully settled.
Amaun bayaran terdahulu akan digunakan oleh Bank untuk menyelesaikan sebahagian daripada masa amaun bayaran terdahulu diterima oleh Bank. Pelanggan hendaklah terus membayar Ansuran menurut Terma & Syarat Perjanjian ini sehingga diselesaikan sepenuhnya.

12.0 OVERPAYMENT / LEBIH BAYARAN

- 12.1** Any repayment that is in excess of the monthly instalment with no prior notice is defined as overpayment. This overpayment will be used to off-set future instalment and will not reduce the Facility outstanding.
Apa-apa pembayaran balik yang melebihi ansuran bulanan tanpa notis terdahulu ditakrifkan sebagai lebih bayaran. Lebih bayaran ini akan digunakan untuk menolak ansuran akan datang dan tidak akan mengurangkan amaun Kemudahan yang belum dijelaskan.

13.0 REPRESENTATIONS AND WARRANTIES / PERNYATAAN DAN WARANTI

- 13.1** The Customer gives representations and warranties that:-
Pelanggan menyatakan dan memberikan waranti bahawa:-
- the Customer has the capacity to enter and undertake the obligations as stated in this T&C. The guarantor likewise has capacity under the guarantee and the security documents (as the case may be);
Pelanggan mempunyai keupayaan untuk mengikat dan melaksanakan obligasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma & Syarat ini. Penjamin juga mempunyai keupayaan di bawah jaminan dan dokumen sekuriti (mengikut mana-mana yang berkenaan);
 - the Customer is not in default of any agreement (whether in relation to payment, performance or otherwise) to which the Customer is a party or by which the Customer is bound;
Pelanggan tidak memungkirkan apa-apa perjanjian (sama ada berkaitan pembayaran, pelaksanaan atau selainnya) yang Pelanggan adalah satu pihak padanya atau Pelanggan telah terikat padanya;
 - there is no litigation, arbitration or dispute whether actual, pending or threatened against the Customer;
tiada litigasi, timbang tara atau pertikaian sama ada sebenar, belum selesai atau mengancam Pelanggan;
 - all financial statements received or to be received by the Bank in respect of the Customer present a true and fair view of the Customer's financial position;
semua penyata kewangan diterima atau akan diterima oleh Bank berhubung dengan Pelanggan memberikan gambaran yang benar dan adil tentang kedudukan kewangan Pelanggan;
 - there is no material adverse change in the Customer's financial condition, and where applicable, the operating environment or management of the Customer's business which will materially affect the Customer's ability to perform the Customer's obligations under this T&C and/or the security documents;
tiada perubahan yang teruk dan ketara dalam keadaan kewangan Pelanggan, dan jika berkenaan, persekitaran operasi atau pengurusan perniagaan Pelanggan yang akan menjejaskan dengan ketara keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasinya di bawah Terma & Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti;
 - the Customer is the legal and beneficial owners of any assets which are offered as security to the Bank in respect of the Facility, this T&C and the security documents;
Pelanggan ialah pemilik sah dan benefisial bagi apa-apa aset yang ditawarkan sebagai sekuriti kepada Bank berhubung dengan Kemudahan, Terma & Syarat ini dan dokumen sekuriti;
 - acceptance of this T&C, delivery and performance of all obligations thereunder will constitute valid and enforceable obligations and do not or will not contravene the provisions of any law, regulation, rule, order, writ, injunction or decree of any court, administrative or regulatory body to which the Customer is subject. It will also not contravene any other agreement to which the Customer is a party or undertaking by which the Customer or the Customer's assets are bound;
penerimaan Terma & Syarat ini, penyerahan dan pelaksanaan semua obligasi di bawahnya akan membentuk obligasi sah dan boleh dikuatkuasakan dan tidak atau tidak akan melanggar peruntukan apa-apa undang-undang, peraturan, kaedah, perintah, writ, injunksi atau dekri mana-mana mahkamah, badan pentadbiran atau kawal selia yang Pelanggan tertakluk kepadanya. Ia juga tidak akan melanggar apa-apa perjanjian lain yang Pelanggan adalah satu pihak padanya atau aku janji yang Pelanggan atau aset Pelanggan telah terikat padanya;

- (h) the Customer has fully disclosed in writing to the Bank all facts relating to the Customer which the Customer know or should reasonably know and which are material for disclosure to the Bank in the context of the Facility;
Pelanggan telah mendedahkan sepenuhnya secara bertulis kepada Bank tentang semua fakta berkaitan Pelanggan yang diketahui atau seharusnya diketahui secara munasabah oleh Pelanggan dan penting untuk pendedahan kepada Bank dalam konteks Kemudahan;
- (i) all the information furnished by the Customer in connection with the Facility do not contain any untrue statement or omit to state any fact and all expressions of expectation, intention, belief and opinion and all projections of the Customer were honestly made on reasonable grounds after due and careful enquiry;
semua maklumat yang diberikan oleh Pelanggan berhubung Kemudahan tidak mengandungi apa-apa pernyataan yang tidak benar atau tidak menyatakan apa-apa fakta dan semua ungkapan jangkaan, hasrat, kepercayaan dan pendapat dan semua unjuran Pelanggan dibuat dengan jujur atas sebab yang munasabah selepas siasatan yang wajar dan teliti;
- (j) the Customer is subject to civil and commercial law with regard to the Customer's obligations under the Facility and the execution, delivery and performance of the obligations created constitute private and commercial acts rather than governmental or public acts. Whether the Customer nor any of Customer's properties enjoy any immunity on the grounds of sovereignty or otherwise in respect of their obligations arising under the Facility;
Pelanggan tertakluk kepada undang-undang sivil dan komersil berhubung dengan obligasi Pelanggan di bawah Kemudahan dan penguatkuasaan, penyempurnaan dan pelaksanaan obligasi yang wujud membentuk akta persendirian dan komersil dan bukannya akta kerajaan atau awam. Pelanggan mahupun mana-mana harta Pelanggan tidak akan mendapat apa-apa kekebalan atas sebab kedaulatan atau sebaliknya berhubung dengan obligasi mereka yang timbul di bawah Kemudahan;
- (k) no bankruptcy or winding up or receivership proceedings have been commenced against the Customer.
tiada prosiding kebangkrutan atau penggulungan atau penerimaan dimulakan terhadap Pelanggan.

14.0 SECURITY / SEKURITI

- 14.1** Any security taken by the Bank or any money deposited with the Bank shall continue to be held by the Bank until all the amounts outstanding from the Customer to the Bank under all the Customer's Facility with the Bank, including contingent liabilities, has been fully settled by the Customer and the expired guarantees/bonds/indemnities, documentary or other credits or any instruments whatever from time to time entered into by the Bank for the Customer's account have been returned to the Bank for cancellation notwithstanding:
Apa-apa sekuriti yang diambil oleh Bank atau apa-apa wang yang didepositkan dengan Bank akan terus dipegang oleh Bank sehingga semua amaun yang belum dijelaskan daripada Pelanggan kepada Bank di bawah semua Kemudahan Pelanggan dengan Bank, termasuk liabiliti luar jangka, telah diselesaikan sepenuhnya oleh Pelanggan dan jaminan/bon/tanggung rugi yang telah tamat tempoh, dokumen atau kredit lain atau apa jua surat cara dari semasa ke semasa yang diikat oleh Bank bagi akaun Pelanggan telah dikembalikan kepada Bank untuk pembatalan walaupun:
- (a) that the Customer cease to be indebted to the Bank for any period or periods;
Pelanggan tidak lagi terhutang kepada Bank untuk apa-apa tempoh;
- (b) that any of the Customer's account(s) with the Bank from any reason whatsoever cease to be current and notwithstanding any settlement of account(s) or otherwise;
apa-apa akaun Pelanggan dengan Bank atas apa jua sebab tidak lagi ada dan walaupun apa-apa penyelesaian akaun atau selainnya dibuat;
- (c) that any change by amalgamation, consolidation or otherwise which may be made in the constitution of any guarantor or the Bank; or
apa-apa perubahan melalui penyatuan, penggabungan atau selainnya yang mungkin dibuat dalam pembentukan apa-apa penjamin atau Bank;
- (d) the Customer's death, mental incapacity or bankruptcy or the death, mental incapacity or bankruptcy or liquidation of any guarantor, whether voluntary or compulsory.
kematian, ketakupayaan mental atau kebangkrutan Pelanggan atau kebangkrutan atau kematian, ketakupayaan mental atau kebangkrutan atau pembubaran mana-mana penjamin, sama ada secara suka rela atau wajib.
- 14.2** In the event of the death or bankruptcy, winding-up or receivership of any guarantor, the Customer shall promptly inform the Bank, and provide another guarantee to the Bank's satisfaction and/or such further security as the Bank shall require.
Sekiranya berlaku kematian atau kebangkrutan, penggulungan atau penerimaan apa-apa penjamin, Pelanggan hendaklah memaklumkan Bank dengan segera, dan memberikan jaminan lain yang memenuhi kehendak Bank dan/atau sekuriti lain seumpamanya seperti yang dikehendaki oleh Bank.

15.0 COSTS, EXPENSES AND FEES / KOS, PERBELANJAAN DAN FI

- 15.1** Notwithstanding that the Facility may be cancelled or aborted for any reason whatsoever at any time:
Walaupun Kemudahan boleh dibatalkan atau dihentikan kerana apa jua sebab pada bila-bila masa:
- (a) all costs and expenses whatsoever including abortive costs, stamp duties (including other similar duties and taxes and any penalties thereon), printing and all other costs relating to the Facility incurred by the Bank in connection with the negotiation, preparation or completion of the Facility or the recovery thereof or the redemption of the Customer's account or in connection with any of the Customer's accounts or assets shall be payable by the Customer on demand, on a full indemnity basis.
semua kos dan perbelanjaan walau apa pun termasuk kos henti, duti setem (termasuk duti dan cukai lain yang serupa dan apa-apa penalti padanya), cetakan dan semua kos lain berkaitan Kemudahan yang ditanggung oleh Bank berkaitan rundingan, penyediaan atau penyempurnaan Kemudahan atau tuntutan baliknya atau penebusan akaun Pelanggan atau berkaitan apa-apa akaun atau aset Pelanggan hendaklah dibayar oleh Pelanggan apabila diminta, berdasarkan tanggung rugi penuh.
- (b) if any money payable under the Facility is required to be recovered through any process of law or such other process, or placed in the hands of solicitors for collection, the Customer shall be liable to pay the Bank's solicitors (on a solicitor and client basis) and any other fees and expenses incurred in respect of such collection.
jika apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan perlu didapatkan semula melalui apa-apa proses undang-undang atau proses lain seumpamanya, atau diletakkan dalam simpanan peguam cara untuk kutipan, Pelanggan akan bertanggung untuk membayar fi guaman Bank (berdasarkan rundingan peguam cara dengan pelanggan) dan apa-apa fi dan perbelanjaan lain yang ditanggung berhubung kutipan tersebut.
- (c) the Bank shall have the right to charge the Customer's account with relevant fees and charges as stated in AffinAlways.com
Bank berhak mengenakan fi dan caj yang sewajarnya kepada akaun Pelanggan sebagaimana yang dinyatakan di AffinAlways.com.

16.0 DISCRETION OF BANK AS TO APPLICATION/TRANSFER OF MONIES / BUDI BICARA BANK BERKAITAN PERMOHONAN/ PEMINDAHAN WANG

- 16.1** If any sum paid or recovered in respect of the Customer's liabilities is less than the amount owing, the Bank may apply that sum to interest, fees, principal or any amount due in such proportion and order and generally in such manner as the Bank thinks fit or may credit or transfer any monies standing to the credit of the Customer's Bank's account (s) of whatever description and wherever located towards discharge of the sum due to the Bank to a non interest bearing suspense account for as long as the Bank thinks fit without any obligation in the meantime to apply the same or any part thereof in or towards the discharge of any money or liabilities due or incurred by the Customer to the Bank.
Jika apa-apa jumlah yang dibayar atau didapatkan semula berhubung dengan liabiliti Pelanggan kurang daripada amaun terutang, maka Bank boleh menggunakan jumlah tersebut untuk membayar faedah, fi, jumlah pokok atau apa-apa amaun yang perlu dibayar dalam perkadaran dan urutan tersebut dan secara umumnya dengan cara seperti yang difikirkan sesuai oleh Bank atau boleh mengkreditkan atau memindahkan apa-apa wang yang masih belum dikreditkan ke dalam akaun Bank Pelanggan walau apa jua jenisnya dan walau di mana pun ia berada untuk menjelaskan jumlah yang perlu dibayar kepada Bank ke dalam akaun digantung tanpa faedah selagi yang difikirkan sesuai oleh Bank tanpa apa-apa obligasi pada masa itu untuk menggunakan jumlah itu atau mana-mana bahagiannya untuk menjelaskan apa-apa wang atau liabiliti yang perlu dibayar atau ditanggung oleh Pelanggan kepada Bank.

17.0 RIGHT OF SET OFF, COMBINATION OR CONSOLIDATION OF ACCOUNTS / HAK UNTUK PENOLAKAN, PENGGABUNGAN ATAU PENYATUAN AKAUN

17.1 The Bank shall be entitled (but shall not be obliged) with at least seven (7) calendar days' prior notice to the Customer to combine, consolidate or merge all or any of the Customer's accounts and liabilities with and to the Bank anywhere whether in or outside Malaysia whether singly or jointly with any other person and may transfer or set off any sums in credit in such accounts in or towards satisfaction of any of the Customer's liabilities whether actual or contingent, primary or collateral notwithstanding that the credit balances on such accounts and the liabilities on any other accounts may not be expressed in the same currency and the Bank is hereby authorised to effect any necessary conversions at the Bank's own rate of exchange then prevailing.

Bank berhak (tetapi tidak diwajibkan) dengan memberikan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar notis terdahulu kepada Pelanggan untuk menggabungkan, menyatukan atau mencantumkan semua atau apa-apa akaun dan liabiliti Pelanggan dengan dan kepada Bank di mana-mana sahaja sama ada di dalam atau luar Malaysia, sama ada secara berasingan atau bersesama dengan mana-mana orang lain dan boleh memindahkan atau menolak apa-apa jumlah yang ada dalam akaun tersebut untuk menjelaskan apa-apa liabiliti Pelanggan, sama ada sebenar atau luar jangka, utama atau sampingan dengan tidak menyentuh baki kredit dalam akaun tersebut dan liabiliti terhadap apa-apa akaun lain tidak boleh dinyatakan dalam mata wang yang sama dan Bank dengan ini membenarkan untuk menguatkuasakan apa-apa penukaran yang perlu pada kadar tukaran Bank sendiri yang pada masa itu digunakan.

18.0 STATEMENT BY BANK / PENYATA BANK

18.1 A statement or notice by the manager or any duly authorised officer or agent of the Bank for the time being or computer generated notices issued by the Bank which do not require signatures issued by the Bank as to the amount of such balance and liabilities incurred or due to the Bank or as to the rate of interest or the amount of interest payable, shall be conclusive evidence for all purposes, save for manifest error.

Penyata atau notis daripada pengurus atau mana-mana pegawai atau ejen Bank yang diberi kuasa sewajarnya pada masa itu atau notis dijana komputer yang tidak memerlukan tandatangan yang dikeluarkan oleh Bank berhubung dengan amaun baki tersebut dan liabiliti yang ditanggung atau perlu dibayar kepada Bank atau berhubung dengan kadar faedah atau amaun faedah yang perlu dibayar, akan menjadi keterangan muktamad bagi semua tujuan, kecuali terdapat kesilapan nyata.

19.0 EVENTS OF DEFAULT / KEJADIAN MUNGKIR

19.1 Notwithstanding any payment on demand clause in this T&C, the outstanding Facility (including interest thereon and all other monies due) shall also become immediately enforceable and exercisable by the Bank in any of the following events:

Dengan tidak menyentuh mana-mana fasal pembayaran atas permintaan dalam Terma & Syarat ini, Kemudahan yang belum dijelaskan (termasuk faedah padanya dan semua wang lain yang perlu dibayar) juga boleh dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan serta-merta oleh Bank jika berlaku apa-apa kejadian yang berikut:

(a) if the Customer fails to pay to the Bank (i) on demand any monies on the Facility or (ii) on due date any monies payable as mentioned in the Disbursement Notice or under any agreement or arrangement with the Bank.

jika Pelanggan gagal membayar kepada Bank (i) apabila diminta apa-apa wang untuk Kemudahan atau (ii) pada tarikh perlu dibayar apa-apa wang yang perlu dibayar sebagaimana yang disebut dalam Notis Pengeluaran Wang atau di bawah apa-apa perjanjian atau pengaturan dengan Bank.

(b) if the Customer breaches or threatens to breach any covenant, undertaking, term, conditions or provisions of this T&C or in any document delivered pursuant to the Facility or the security documents (other than an obligation of the type referred to in clause 19(1)(a) above) and fails to remedy such breach within 21 calendar days after notice from the Bank or such other time period stipulated by the Bank.

jika Pelanggan melanggar atau mengancam untuk melanggar apa-apa waad, aku janji, terma, syarat atau peruntukan dalam Apa-apa pembayaran balik yang melebihi ansuran bulanan tanpa notis terdahulu ditakrifkan sebagai lebih bayaran. Lebih bayaran ini akan digunakan untuk menolak ansuran akan datang dan tidak akan mengurangkan amaun Kemudahan yang belum dijelaskan. ini atau dalam apa-apa dokumen yang diserahkan menurut Kemudahan atau dokumen sekuriti (selain jenis obligasi yang dirujuk dalam 19(1)(a) di atas) dan gagal meremеди pelanggaran tersebut dalam tempoh 21 hari kalendar selepas notis daripada Bank atau tempoh lain seumpamanya yang ditetapkan oleh Bank.

(c) if legal proceedings suits or actions of any kind whatsoever (civil or criminal) is instituted against the Customer.

jika prosiding undang-undang, tindakan guaman atau apa jua jenis tindakan (sivil atau jenayah) dimulakan terhadap Pelanggan.

(d) if the Customer shall commit an act of bankruptcy or if the Customer becomes insane or passes away.

jika Pelanggan terlibat dalam tindakan kebangkrutan atau jika Pelanggan menjadi tidak siaman atau meninggal dunia.

(e) if the Customer shall enter into composition, moratorium or arrangement with or shall make a general assignment for the benefit of the Customer's creditors.

jika Pelanggan akan mengikat komposisi, moratorium atau pengaturan dengan atau akan membuat penyerahan hak am bagi manfaat pemiutang Pelanggan.

(f) if any event occurs or circumstances arise including changes in the Customer's financial condition which in the opinion of the Bank prejudice the Customer's ability to perform the Customer's obligations herein or under any of the security document.

jika apa-apa kejadian berlaku atau keadaan wujud termasuk perubahan dalam keadaan kewangan Pelanggan yang pada pendapat Bank menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan obligasinya dalam dokumen ini atau di bawah apa-apa dokumen sekuriti.

(g) if the Customer fails to operate the Customer's account(s) with the Bank in a satisfactory manner.

jika Pelanggan gagal mengendalikan akaunnya dengan Bank dengan cara yang memuaskan.

(h) if any representation or warranty made or implied to the Bank is incorrect or misleading in a material particular as of the date on which it was made or deemed to have been made.

jika apa-apa pernyataan atau waranti yang dibuat atau tersirat kepada Bank adalah tidak benar atau mengelirukan dalam butiran penting seperti tarikh ia dibuat atau dianggap telah dibuat.

(i) if any other event occurs which in the opinion of the Bank could or might affect or prejudice the Customer's ability or willingness to comply with all or any of the Customer's obligations under this T&C under the security documents respectively.

jika apa-apa kejadian lain berlaku yang pada pendapat Bank boleh atau mungkin mempengaruhi atau menjejaskan keupayaan atau kesediaan Pelanggan untuk mematuhi semua atau apa-apa obligasinya di bawah Terma & Syarat ini atau di bawah dokumen sekuriti yang berkaitan.

19.2 The Bank reserves the right to liquidate/dispose the ASB Units pledged in favour of the Bank if the Facility is in two (2) months arrears or more and the proceeds will be credited towards adjustment of the loan account. Any shortfall in the account is to be settled by the Customer.

Bank berhak membubarkan/menjual Unit ASB yang disandarkan bagi pihak Bank jika Kemudahan tertunggak selama dua (2) bulan atau lebih dan hasilnya akan dikreditkan untuk melaraskan akaun pinjaman. Apa-apa kekurangan dalam akaun hendaklah diselesaikan oleh Pelanggan.

20.0 DEBT RECOVERY / TUNTUTAN BALIK HUTANG

20.1 Subject to Clause 20.2, the Bank may contact the personal reference as stated in this application form in the event the Customer is not contactable/reachable should there is any balance shortfall after liquidation for recovery process.

Tertakluk kepada Fasal 20.2, Bank boleh menghubungi rujukan peribadi sebagaimana yang dinyatakan dalam borang permohonan ini sekiranya Pelanggan tidak dapat dihubungi jika terdapat apa-apa kekurangan baki selepas pembubaran untuk proses tuntutan balik.

20.2 The Customer confirms that by providing personal reference information in this application form, their consent has been obtained for the purpose related to or in connection with the facility under this T&C.

Pelanggan mengesahkan bahawa dengan memberikan maklumat rujukan peribadi dalam borang permohonan ini, kebenaran mereka telah diperolehi bagi tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan Kemudahan di bawah Terma & Syarat ini.

20.3 The Bank has the right to liquidate the ASB Certificate in the event the account is in arrears of 2 months and legal action may be taken for shortfalls, if any.

Bank berhak untuk membubarkan Sijil ASB sekiranya kemudahan tertunggak selama 2 bulan dan tindakan undang-undang boleh diambil terhadap kekurangan, jika ada.

21.0 ASSIGNMENT/SALE/TRANSFER / PENYERAHAN HAK/PENJUALAN/PINDAH MILIK

21.1 Save and except if the transfer and/or assignment is to the detriment of the Customer, the Bank shall be entitled after giving notice to the Customer to transfer, sell, participate in secondary debt markets or assign all or any part of its rights, benefits and obligations under this T&C and/or any security document by assigning to any other party all or any part of the Bank's rights and benefits under this T&C and/or any security document. *Kecuali dan melainkan pindah milik dan/atau penyerahan hak menjejaskan Pelanggan, Bank berhak selepas memberikan notis kepada Pelanggan untuk memindah milik, menjual, menyertai pasaran hutang sekunder atau menyerah hak semua atau mana-mana bahagian hak, manfaat dan obligasinya di bawah Terma & Syarat ini dan/atau apa-apa dokumen sekuriti dengan menyerah hak kepada mana-mana pihak lain semua atau mana-mana bahagian hak dan manfaat Bank di bawah Terma & Syarat ini dan/atau apa-apa dokumen sekuriti.*

21.2 The Customer may not transfer or assign any of the Customer's rights, benefits and obligations under this T&C and/or any security document without the prior written consent of the Bank and any purported assignment without such consent shall be null and void.

Pelanggan tidak boleh memindah milik atau menyerah hak apa-apa hak, manfaat dan obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat ini dan/atau apa-apa dokumen sekuriti tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada Bank terlebih dahulu dan apa-apa penyerahan hak yang dimaksudkan itu tanpa kebenaran tersebut adalah terbatal dan tidak sah.

22.0 GOVERNING LAW / UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

22.1 This T&C shall be construed and have effect in all respects in accordance with the laws of Malaysia and the Customer agrees to submit to the jurisdiction of the Malaysian Courts, but such submission shall not be construed so as to limit the right of the Bank to commence proceedings in the courts of any other country. The service of any writ or summons or any legal process in respect of any actions or proceedings may be effected on the Customer by forwarding a copy of the writ or summons or statement of claim or other legal process by prepaid registered post (or such other mode as stipulated by law) to the Customer's address for the time being. Where served by post, such writ summons or statement of claim or such other legal process shall be deemed to have been served on the Customer five (5) calendar days after the date of posting.

Terma & Syarat ini hendaklah ditafsirkan dan mempunyai kuat kuasa dalam semua aspek menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa Mahkamah Malaysia, tetapi pematuhan tersebut tidak akan ditafsirkan untuk menghadkan hak Bank bagi memulakan prosiding mahkamah di mana-mana negara lain. Penyampaian apa-apa writ atau saman atau apa-apa proses undang-undang berhubung dengan apa-apa tindakan atau prosiding boleh dikuatkuasakan terhadap Pelanggan dengan menyerahkan salinan writ atau saman atau penyata tuntutan atau proses undang-undang lain melalui pos berdaftar prabayar (atau kaedah lain seumpamanya sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang) ke alamat Pelanggan pada masa itu. Jika diserahkan melalui pos, writ, saman atau penyata tuntutan tersebut atau proses undang-undang lain tersebut hendaklah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan lima (5) hari kalender selepas tarikh pengeposan.

23.0 REDUCING TERM ASSURANCE / INSURANS TEMPOH BERKURANG

23.1 RTA contribution as stated in the Application Form, up to a maximum of five percent (5%) of the total value of the financing amount. If RTA is self-financed, the applicant is to forward written confirmation from the preferred insurer operator on the RTA contribution payment and enforcement of policy prior disbursement.

Sumbangan RTA adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan, sehingga maksimum lima peratus (5%) daripada nilai keseluruhan amaun pembiayaan. Jika RTA dibiayai sendiri, pemohon hendaklah mengemukakan pengesahan bertulis daripada pengendali penanggung insurans pilihan berkenaan bayaran sumbangan RTA dan penguatkuasaan polisi sebelum pengeluaran wang dibuat.

23.2 RTA is encouraged to be subscribed by applicant from Bank's panel of Insurance Operators and assigned to the Bank as stipulated in the Application Form.

Pemohon digalakkan untuk melanggan RTA daripada panel Pengendali Insurans Bank dan diserahkan kepada Bank sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang Permohonan.

23.3 In the event of default in the servicing of the loan and it is classified as non-performing, the Bank may in its sole and absolute discretion (but not obliged to) without notice to the applicant, cancel the Insurance coverage and recover the policy cash/surrender value to reduce the outstanding sum of the Loan. The Bank may then proceed to recover the shortfall from the applicant.

Sekiranya berlaku kemungkiran dalam pembayaran balik pinjaman dan ia dikelaskan sebagai tak berbayar, Bank boleh mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknyanya (tetapi tidak diwajibkan) tanpa memberikan notis kepada pemohon, membatalkan perlindungan Insurans dan mendapatkan semula wang tunai/nilai serahan polisi untuk mengurangkan jumlah Pinjaman yang belum dijelaskan. Bank kemudiannya boleh terus mendapatkan kembali kurangan tersebut daripada pemohon.

23.4 The proceeds from the cancelled Insurance coverage will be treated as the proceeds of sale of the Security Interest and paid in the priority and manner provided hereinafter. The surplus if any will be paid to the applicant.

Hasil daripada perlindungan Insurans yang dibatalkan akan dianggap sebagai hasil jualan Faedah Sekuriti dan dibayar mengikut keutamaan dan cara yang dinyatakan kemudian dari ini. Lebihan, jika ada, akan dibayar kepada pemohon.

23.5 In the event of claim, all benefits payable under the RTA taken up will be made directly to the Bank and will be first used to offset any outstanding Facility due to the Bank. The remaining benefits (if any, after the set-off) will be payable to the applicant or the applicant's estate or the applicant's personal reference or beneficiary (as the case may be) as the Bank deems fit at its absolute discretion.

Sekiranya tuntutan dibuat, semua manfaat yang perlu dibayar di bawah RTA yang diambil akan dibuat terus kepada Bank dan akan digunakan terlebih dahulu untuk menolak apa-apa Kemudahan yang belum dijelaskan yang perlu dibayar kepada Bank. Manfaat selebihnya (jika ada, selepas penolakan) akan dibayar kepada pemohon atau pihak yang menguruskan harta pusaka pemohon atau rujukan peribadi atau benefisiari pemohon (mengikut mana-mana yang berkenaan) seperti yang dianggap sesuai oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya.

23.6 Where part of the loan is granted to finance the payment of the contribution for the RTA, the release of such part of the loan towards payment of the contribution for issuance of RTA will only be effected immediately prior to the first release of the loan or such other earlier time as the Bank in its absolute discretion deems fit. The Bank shall not in any way be held liable for its decision as to when to release such part of the loan towards the payment of the contribution for issuance of the RTA (if applicable).

Jika sebahagian daripada pinjaman diberikan untuk membiayai pembayaran sumbangan RTA, pelepasan bahagian pinjaman tersebut untuk membayar sumbangan bagi pengeluaran RTA hanya akan dikuatkuasakan betul-betul sebelum pelepasan pertama pinjaman tersebut atau tempoh yang lebih awal seperti yang dianggap sesuai oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya. Bank tidak akan dalam apa jua cara bertanggung terhadap keputusannya berhubung dengan masa pelepasan bahagian pinjaman tersebut untuk membayar sumbangan bagi pengeluaran RTA (jika berkenaan).

23.7 Where the amount financed by the Bank is insufficient to fully settle the contribution due for the RTA, the Customer is required to top-up the shortfall prior to the Bank disbursing such part of the loan towards the payment of the contribution for issuance of the RTA (if any).

Jika amaun yang dibiayai oleh Bank tidak mencukupi untuk menyelesaikan sepenuhnya sumbangan yang belum dijelaskan bagi RTA, Pelanggan dikehendaki untuk menokok kurangan sebelum Bank mengeluarkan wang bagi bahagian pinjaman tersebut untuk membayar sumbangan bagi pengeluaran RTA (jika ada).

23.8 Notwithstanding the above, the applicant is free to use the service of any Insurance Operators of the applicant's choice which provide adequate coverage against such risks as the Bank may require. The policy shall be duly assigned to the Bank for the duration of the Facility.

Walau apa yang terkandung dalam peruntukan di atas, pemohon bebas untuk menggunakan khidmat mana-mana Pengendali Insurans pilihan pemohon yang menyediakan perlindungan secukupnya terhadap risiko tersebut seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank. Polisi itu hendaklah diserahkan hak sewajarnya kepada Bank sepanjang tempoh Kemudahan.

23.9 Should the applicant choose their own Insurance operator, the Bank is not obliged to provide any financing toward the contribution amount.

Jika pemohon memilih pengendali Insurans mereka sendiri, Bank tidak diwajibkan untuk menyediakan apa-apa pembiayaan untuk amaun sumbangan.

24.0 CHANGE IN CIRCUMSTANCES / PERUBAHAN KEADAAN

24.1 Illegality: If the Bank determines that the introduction or variation of any law, regulation or official directive (whether or not having the force of law) or any change in the interpretation or application thereof makes it unlawful for the Bank to maintain, fund or give effect to its obligations hereunder, the Bank shall forthwith give notice not less than 21 calendar days of such termination to the Customer. The Facility to such extent shall be cancelled and the Customer will forthwith upon notice from the Bank repay all monies payable under the Facility together with any interest thereon and all other monies agreed to be paid by the Customer in this Agreement.

Kepernyalaan undang-undang: Jika Bank menentukan bahawa pengenalan atau perubahan apa-apa undang-undang, peraturan atau arahan rasmi (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak) atau apa-apa perubahan dalam tafsiran atau penggunaannya yang menyebabkannya menyalahi undang-undang untuk Bank mengekalkan, membiayai atau melaksanakan obligasinya di bawah dokumen ini, Bank hendaklah dengan serta-merta memberikan notis tidak kurang daripada 21 hari kalendar berkenaan penamatan tersebut kepada Pelanggan. Kemudahan setakat itu akan dibatalkan dan Pelanggan akan dengan segera selepas menerima notis daripada Bank membayar balik semua wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan berserta apa-apa faedah padanya dan semua wang lain yang dipersetujui akan dibayar oleh Pelanggan dalam Perjanjian ini.

24.2 Increased Costs: Where the Bank determines that, as a result of the introduction or variation of any law, order, regulation or official directive (whether or not having the force of law), or any change in the interpretation or application by any competent authority, or compliance with any request (whether or not having the force of law) from Bank Negara Malaysia or other fiscal, monetary or other authority, which:

Pertambahan Kos: Jika Bank menentukan bahawa, akibat pengenalan atau perubahan apa-apa undang-undang, perintah, peraturan atau arahan rasmi (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak), atau apa-apa perubahan dalam tafsiran atau penggunaannya oleh mana-mana pihak berkuasa kompeten, atau pematuhan terhadap apa-apa permintaan (sama ada mempunyai kuat kuasa undang-undang atau tidak) daripada Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa fiskal, monetari atau pihak berkuasa lain, yang:

- (a) imposes on the Bank an obligation to make any payment (except in respect of tax on its overall net income) or forego any interest or other return on, or calculated by reference to, the amount of any sum received or receivable by the Bank from the Customer under the Facility; or mengenakan ke atas Bank obligasi untuk membuat apa-apa pembayaran (melainkan berhubung dengan cukai ke atas keseluruhan pendapatan bersihnya) atau mengetepikan apa-apa faedah atau pulangan lain bagi, atau dikira dengan merujuk, amaun apa-apa jumlah yang diterima atau belum terima oleh Bank daripada Pelanggan di bawah Kemudahan; atau
- (b) imposes, modifies or deems applicable any reserve, deposit or similar requirement against any assets held by, or deposits with, in or for the account of, or loans by, the Bank; or mengenakan, mengubah suai atau menganggap terpakai apa-apa rizab, deposit atau keperluan lain yang serupa terhadap apa-apa aset yang dipegang oleh, atau disimpan dengan, ke dalam atau bagi akaun, atau pinjaman oleh, Bank; atau
- (c) subjects the Bank to any tax with respect to or changes the basis of taxation in respect of any payment made or to be made to the Bank (except for changes in the rate of tax on the overall net income of the Bank); or menyebabkan Bank tertakluk kepada apa-apa cukai berhubung dengan atau mengubah asas percukaian berhubung dengan apa-apa pembayaran yang dibuat atau akan dibuat kepada Bank (melainkan perubahan kadar cukai ke atas pendapatan bersih keseluruhan Bank); atau
- (d) imposes on the Bank any other condition affecting its granting of the Facility; or mengenakan ke atas Bank apa-apa syarat lain yang menjejaskan pemberian Kemudahan;

which would increase the cost to the Bank of making or maintaining the Facility or reduce the amount of any sum received or receivable by it or reduce the Bank's effective return in respect of the Facility or on the Bank's capital allocated in support of the Facility or oblige it to make any payment on, or calculated by reference to, the amount of any sum received or receivable by it from the Customer under this T&C, then the Bank shall notify the Customer of the circumstances leading to its determination and:

yang akan menambahkan kos kepada Bank untuk menyediakan atau mengekalkan Kemudahan atau mengurangkan amaun apa-apa jumlah yang diterima atau belum diterimanya atau mengurangkan pulangan efektif Bank berhubung dengan Kemudahan atau ke atas modal Bank yang diperuntukkan bagi menampung Kemudahan atau mewajibkannya untuk membuat apa-apa bayaran bagi, atau dikira dengan merujuk, amaun apa-apa jumlah yang diterima atau belum diterimanya daripada Pelanggan di bawah Terma & Syarat ini, maka Bank akan memaklumkan kepada Pelanggan tentang keadaan yang menyebabkan keputusannya dan:

- (i) the Customer shall pay to the Bank on demand such amount as the Bank may certify to be necessary upon the Bank's 21 calendar days' prior notice for such additional cost or such reduction in returns to the Bank; and Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank apabila diminta amaun tersebut seperti yang mungkin disahkan oleh Bank sebagai perlu selepas notis 21 hari kalendar terdahulu daripada Bank bagi kos tambahan tersebut atau pengurangan pulangan seumpamanya kepada Bank; dan
- (ii) at any time, so long as the circumstances giving rise to the obligation to make the compensating payment continue, the Customer may (on giving not less than fourteen (14) days notice to the Bank of its election so to do) elect to prepay, within a period of fourteen (14) days after the date of the Customer's notice to the Bank all monies payable under the Facility together with any interest thereon and all other monies agreed to be paid by the Customer hereunder; and pada bila-bila masa, selagi keadaan menimbulkan obligasi untuk meneruskan bayaran pampasan tersebut, Pelanggan boleh (dengan memberikan notis tidak kurang dari empat belas hari (14) kepada Bank tentang pilihannya untuk berbuat demikian) memilih untuk membayar dahulu, dalam tempoh empat belas hari (14) selepas tarikh notis Pelanggan kepada Bank semua wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan berserta apa-apa faedah padanya dan semua wang lain yang dipersetujui akan dibayar oleh Pelanggan dalam dokumen ini; dan
- (iii) upon receipt by the Bank of notice of such election the outstanding obligations of the Bank in any future utilisation of the Facility shall terminate and the Facility shall be cancelled to such extent. selepas Bank menerima notis tentang pilihan tersebut, obligasi Bank yang belum dijelaskan bagi apa-apa penggunaan Kemudahan pada masadepan akan ditamatkan dan Kemudahan akan terbatal setakat itu.

24.3 All security(ies), agreement(s), obligation(s) given or undertaken by the Borrower shall continue to be valid and binding notwithstanding the Customer death, bankruptcy or mental incapacity, or any change in its constitution.

Semua sekuriti, perjanjian, obligasi yang diberikan atau diaku janji oleh Peminjam akan terus sah dan mengikat walaupun Pelanggan meninggal dunia, bankrap atau mengalami ketakupayaan mental, atau apa-apa perubahan pada pembentukannya.

25.0 COMPLIANCE WITH LAW / PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

25.1 The Customer shall ensure continued compliance for the duration of the Facility with all statutes, by-laws, guidelines in Malaysia. The Customer shall obtain all consents, licenses, exemptions, approvals or authorisations as may be required by any applicable law, regulation or directive in order to enable the Customer/security party to perform their respective obligations in connection with the security documents.

Pelanggan hendaklah memastikan pematuhan berterusan sepanjang tempoh Kemudahan terhadap semua statut, undang-undang kecil dan garis panduan di Malaysia. Pelanggan hendaklah mendapatkan semua persetujuan, lesen, pengecualian, kelulusan atau kebenaran seperti yang mungkin dikehendaki oleh apa-apa undang-undang, peraturan atau arahan terpakai untuk membolehkan Pelanggan/pihak sekuriti melaksanakan obligasi masing-masing berhubung dengan dokumen sekuriti.

26.0 BANKRUPTCY OR WINDING UP SEARCH / CARIAN KEBANKRAPAN ATAU PENGGULUNGAN

26.1 The Bank may but is not obliged to conduct bankruptcy or winding up searches (as the case may be) on the Customer prior to the disbursement of the Facility or after disbursement. However, if searches are required, all charges incurred with regards to the bankruptcy or winding up searches (as the case may be) are to be borne by the Customer.

Bank mungkin tetapi tidak diwajibkan untuk menjalankan carian kebangkrapan atau penggulungan (mengikut mana-mana yang berkenaan) terhadap Pelanggan sebelum atau selepas pengeluaran wang untuk Kemudahan. Walau bagaimanapun, jika carian diperlukan, semua caj yang dikenakan berhubung dengan carian kebangkrapan atau penggulungan (mengikut mana-mana yang berkenaan) akan ditanggung oleh Pelanggan.

- 26.2** In the event that any of the searches confirm that the Customer is an adjudged bankrupt or wound up (as the case may be), or if there are any legal proceedings suits or actions that is material (be it civil or criminal), instituted against the Customer, the Bank reserves the right to withdraw, cancel and/or terminate the Facility upon notice of the Customer.
Sekiranya apa-apa carian tersebut mengesahkan bahawa Pelanggan telah dihukum bankrap atau mengalami penggulangan (mengikut mana-mana yang berkenaan), atau jika terdapat apa-apa prosiding undang-undang, tindakan guaman atau tindakan penting (sama ada sivil atau jenayah), yang dimulakan terhadap Pelanggan, Bank berhak menarik balik, membatalkan atau menamatkan Kemudahan selepas memberikan notis kepada Pelanggan.
- 27.0 IMPOSITION OF TERMS BY BANK NEGARA MALAYSIA / PENGENAAN SYARAT OLEH BANK NEGARA MALAYSIA**
- 27.1** The Facility shall at all times be governed by such rules, regulations and/or directives imposed by Bank Negara Malaysia or any authority having jurisdiction over the Bank.
Kemudahan hendaklah pada setiap masa dikawal oleh kaedah, peraturan dan/atau arahan yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.
- 28.0 NOTICES / NOTIS**
- 28.1** Any demand, request, notice or other communication (collectively referred to as “Notices”) by or on behalf of the Bank or the Customer shall be in writing.
Apa-apa tuntutan, permintaan, notis atau komunikasi lain (secara kolektif dirujuk sebagai “Notis”) oleh atau bagi pihak Bank atau Pelanggan hendaklah dibuat secara bertulis.
- 28.2** Notices may be given or made by post, facsimile, personal delivery or such other mode as may be allowed by the Bank. Notices shall be issued by or on behalf of the Bank (including computer generated notices/statements that do not require any signature) to the Customer at the address, facsimile number or electronic mail address as stated in the Application Form or the last known address, facsimile number or electronic mail address notified by the Customer in writing.
Notis boleh diberikan atau dibuat melalui pos, faksimile, serahan peribadi atau cara lain seumpamanya seperti yang mungkin dibenarkan oleh Bank. Notis akan dikeluarkan oleh atau bagi pihak Bank (termasuk notis/penyata yang dijana komputer yang tidak memerlukan apa-apa tandatangan) kepada Pelanggan di alamat, nombor faksimile atau alamat mel elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau alamat, nombor faksimile atau alamat mel elektronik terakhir yang diketahui yang dimaklumkan oleh Pelanggan secara bertulis.
- 28.3** The Notices are given to the Customer:
Notis tersebut akan diberikan kepada Pelanggan:
- (a) in the case of post, five (5) calendar days after the date of posting;
jika melalui pos, lima (5) hari kalendar selepas tarikh pengeposan;
 - (b) in the case of facsimile, on the day of transmission;
jika melalui faksimile, pada hari penghantaran;
 - (c) in the case of electronic mail, on the day it is sent provided that the Bank has not received a failed or undeliverable message from the host provider on the day of transmission;
jika melalui mel elektronik, pada hari penghantaran dengan syarat Bank tidak menerima mesej gagal dihantar atau tidak boleh dihantar daripada penyedia hos pada hari penghantaran;
 - (d) in the case of personal delivery, at the time of delivery;
jika melalui serahan peribadi, pada masa penyerahan;
 - (e) in the case of any Notices given orally, on the day such Notices are given. Such Notices shall be subsequently confirmed in writing by the Bank;
jika melalui apa-apa Notis yang diberikan secara lisan, pada hari Notis tersebut diberikan. Notis tersebut hendaklah disahkan selepas itu secara bertulis oleh Bank;
 - (f) in the case any Notices given via short messaging service system or any other mode which is not recorded in writing, at the time of transmission of such Notices.
jika melalui apa-apa Notis yang dihantar melalui sistem khidmat pesanan ringkas atau apa-apa cara lain yang tidak direkodkan secara bertulis, pada masa Notis tersebut dihantar.
- 28.4** Notices by the Customer to the Bank shall be duly signed by the Customer or where permitted by the Bank, by the Customer duly authorised signatory and served on the Bank at the address or facsimile number as notified in writing by the Bank from time to time. Notices are deemed received by the Bank upon actual receipt of the same except:
Notis daripada Pelanggan kepada Bank hendaklah ditandatangani sewajarnya oleh Pelanggan atau jika dibenarkan oleh Bank, oleh penandatanganan yang diberi kuasa sewajarnya oleh Pelanggan dan diserahkan kepada Bank di alamat atau nombor faksimile seperti yang dimaklumkan secara bertulis oleh Bank dari semasa ke semasa. Notis dianggap telah diterima oleh Bank selepas penerimaan sebenar notis tersebut kecuali:
- (i) in the case of Notices sent by facsimile after 5.00p.m., such notices shall be deemed received by the Bank on the next Business Day; and
jika Notis dihantar melalui faksimile selepas pukul 5:00 petang, notis tersebut akan dianggap telah diterima oleh Bank pada Hari Perniagaan berikutnya; dan
 - (ii) where it is deemed necessary by the Bank to verify the Customer’s identity or the source of the Notices, the Customer may be required to deliver at the Customer’s own cost to the Bank such documentary evidence (including the actual or original Notices) as may be required by the Bank. Where such verification is required by the Bank, the Notices are deemed received by the Bank only upon receipt by the Bank of such additional documentary evidence requested by it.
jika dianggap perlu oleh Bank untuk mengesahkan identiti Pelanggan atau sumber Notis, Pelanggan mungkin dikehendaki untuk menghantar atas perbelanjaan sendiri kepada Bank keterangan berdokumen tersebut (termasuk Notis sebenar atau asal) seperti yang mungkin dikehendaki oleh Bank. Jika pengesahan tersebut dikehendaki oleh Bank, Notis dianggap telah diterima oleh Bank hanya selepas Bank menerima keterangan berdokumen tambahan tersebut yang diminta oleh Bank.
- 28.5** All facsimile Notices should be followed by the original Notice to be delivered by post or by hand, but any delay or failure by the Bank to receive the original Notice shall not affect the validity of any act or omission by the Bank taken in reliance on the facsimile Notice.
Semua Notis melalui faksimile hendaklah diikuti oleh Notis asal yang akan dihantar melalui pos atau serahan sendiri, tetapi apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh Bank untuk menerima Notis asal tidak akan menjejaskan kesahan apa-apa tindakan atau pengabaian yang dilakukan oleh Bank dengan bergantung pada Notis faksimile itu.
- 29.0 MODIFICATION AND INDULGENCE / PENGUBAHSUAIAN DAN KELONGGARAN**
- 29.1** The Bank may in any way, without affecting the rights, powers and remedies conferred upon the Bank under this T&C and/or the security documents, as follows:
Bank boleh dengan apa jua cara, tanpa menjejaskan hak, kuasa dan remedi yang diberikan kepada Bank di bawah Terma & Syarat ini dan/atau dokumen sekuriti, melakukan seperti yang berikut:
- (a) neglect or forbear to enforce any of the terms in these Standard T&C or any agreement between the Customer and the Bank or waive such terms as it considers fit or any breach by the Customer of the same without prejudice to its right at any time afterwards to act or insist to act strictly in accordance with the originally agreed terms in respect of the existing or subsequent breach; or
mengabaikan atau menghalang daripada menguatkuasakan mana-mana syarat dalam Terma & Syarat Standard ini atau dalam mana-mana perjanjian antara Pelanggan dengan Bank atau mengetepikan syarat tersebut seperti yang dianggap sesuai atau apa-apa pelanggaran syarat oleh Pelanggan tanpa menjejaskan haknya pada bila-bila masa selepas itu untuk bertindak atau bertegas untuk bertindak betul-betul menurut syarat yang dipersetujui pada asalnya berhubung dengan pelanggaran sedia ada atau berikutnya; atau

- (b) determine vary renew or increase any credit or other facility granted to the Customer and may open or continue any account or accounts (or both) with the Customer at any branch or branches of the Bank; or *menentukan, mengubah, memperbaharui semula atau menambah apa-apa kredit atau kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan dan boleh membuka atau meneruskan apa-apa akaun (atau kedua-duanya) dengan Pelanggan di mana-mana cawangan Bank; atau*
- (c) restructure or reschedule any credit or other facility granted to the Customer, including but not limited to varying the number and or the amount of the instalments to be paid by the Customer; or *menstrukturkan semula atau menjadualkan semula apa-apa kredit atau kemudahan lain yang diberikan kepada Pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad pada mengubah bilangan dan/atau amaun ansuran yang akan dibayar oleh Pelanggan; atau*
- (d) grant to the Customer at any time or indulgence or waiver or consent or release; or *memberi Pelanggan pada bila-bila masa atau kelonggaran atau penepian atau kebenaran atau pelepasan; atau*
- (e) deal with, exchange, release or modify or abstain from perfecting or enforcing any security or other guarantee or right it may now or at any time hereafter or from time to time have from or against the Customer; or *menguruskan, menukar, melepaskan atau mengubah suai atau menahan daripada menyempurnakan atau menguatkuasakan apa-apa sekuriti atau jaminan atau hak lain yang mungkin ada pada masa ini atau pada bila-bila masa selepas ini atau dari semasa ke semasa daripada atau terhadap Pelanggan; atau*
- (f) release or discharge or compound or enter into any deed of composition with the Customer; or *melepaskan atau menjelaskan atau mencapai persetujuan atau mengikat apa-apa surat ikatan setuju selesai dengan Pelanggan; atau*
- (g) vary or amend any of the terms of any of the Facility or any of the security documents; or *mengubah atau meminda apa-apa syarat bagi apa-apa Kemudahan atau apa-apa dokumen sekuriti; atau*
- (h) grant further facilities, convert, vary, interchange, appropriate or substitute partly or wholly any of the Facility with other banking facilities. *memberikan kemudahan tambahan, menukar, mengubah, menyaling tukar, memperuntukkan atau menggantikan sebahagian atau keseluruhan Kemudahan dengan kemudahan perbankan lain.*

29.2 21 calendar days' notice are required for paragraphs (g) and (h) above.

Notis 21 hari kalendar dikehendaki bagi perenggan (g) dan (h) di atas.

30.0 INDEPENDENT PAYMENT / OBLIGASI PEMBAYARAN BERASINGAN

30.1 The Customer expressly agree and declare that each of the Customer's obligations to pay under this T&C, constitute separate and independent obligations, shall give rise to separate and independent causes of actions. Customer's obligations continue despite any waiver granted by the Bank and despite any judgment, order, claim or proof for a liquidated amount in respect of some other obligation. The Bank may independently or simultaneously commence against the Customer under any other security documents.

Pelanggan dengan nyatanya bersetuju dan mengakui bahawa setiap obligasi Pelanggan untuk membayar di bawah Terma & Syarat ini, yang membentuk obligasi terpisah dan terasing, akan menimbulkan kuasa tindakan yang terpisah dan terasing. Obligasi Pelanggan akan berterusan walaupun terdapat apa-apa penepian yang diberikan oleh Bank dan walaupun apa-apa penghakiman, perintah, tuntutan atau bukti bagi amaun tertentu berhubung dengan beberapa obligasi lain yang mungkin dimulakan oleh Bank secara berasingan atau serentak terhadap Pelanggan di bawah mana-mana dokumen sekuriti lain.

31.0 NOTIFICATION / PEMBERITAHUAN

31.1 The Customer shall give the Bank written notice of any event of default under this T&C or the other security documents within three (3) Business Days of the Customer becoming aware of the occurrence thereof.

Pelanggan hendaklah memberikan notis bertulis kepada Bank tentang apa-apa kejadian mungkir di bawah Terma & Syarat ini atau dokumen sekuriti lain dalam tempoh tiga (3) Hari Perniagaan selepas Pelanggan mengetahui berlakunya kejadian itu.

32.0 INDEMNITY / TANGGUNG RUGI

32.1 In addition, the Customer shall indemnify the Bank and hold the Bank from and against any losses, damages and expenses, (including but not limited to all legal costs incurred by the Bank on a solicitor and client basis) which the Bank may sustain, suffer or incur as a consequence of any default in the payment of the Facility and interest incurred from the Facility, or any other amounts payable under the Facility or under the guarantee and/or the security documents, or on account of the non observance of all or any of the terms stipulations agreements and provisions on the Customer part or guarantor contained in this T&C. Such losses, damages and expenses shall include but not be limited to such amount as the Bank shall certify (such certification being accompanied by the basis and calculation of such amount. The certification shall be conclusive and binding upon the Customer save for any manifest error. However, Customer is not liable when the losses, damages and expenses are directly caused by the Bank's negligence, default or fraud).

Selain itu, Pelanggan hendaklah menanggung rugi Bank dan melindungi Bank daripada dan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan, (termasuk tetapi tidak terhad pada semua kos guaman yang ditanggung oleh Bank berdasarkan rundingan peguam cara dengan pelanggan) yang mungkin dialami, ditanggung atau dikenakan kepada Bank akibat apa-apa kemungkiran pembayaran Kemudahan dan faedah yang dikenakan daripada Kemudahan, atau apa-apa amaun lain yang perlu dibayar di bawah Kemudahan atau di bawah jaminan dan/atau dokumen sekuriti, atau kerana ketakpatuhan semua atau mana-mana syarat, ketetapan, perjanjian dan peruntukan di pihak Pelanggan atau penjamin yang terkandung dalam Terma & Syarat ini. Kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan tersebut hendaklah termasuk tetapi tidak terhad pada amaun seperti yang akan disahkan oleh Bank (pengesahan tersebut disertakan asas dan pengiraan amaun tersebut. Pengesahan itu adalah muktamad dan mengikat Pelanggan melainkan jika terdapat apa-apa kesilapan nyata. Walau bagaimanapun, Pelanggan tidak bertanggungjawab apabila kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan adalah disebabkan oleh kecaian, kemungkiran atau penipuan langsung oleh Bank).

33.0 LIENS AND OTHER RIGHTS / LIEN DAN HAK LAIN

33.1 In addition and without prejudice to any other remedy, right or security which the Bank may have, the Bank shall, for so long as the Facility shall remain in effect or any money remains to be lent or to be payable by the Customer, have a general lien on all the Customer securities and other assets which are now or which may from time to time be deposited with or in or come into the possession, custody or control of or held in the name or to the order or for the account of the Bank whether for safe custody or security or otherwise or for any specific or general purpose.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan apa-apa remedi, hak atau sekuriti lain yang mungkin dimiliki oleh Bank, Bank akan, selagi Kemudahan terus berkuat kuasa atau apa-apa wang masih dipinjam atau akan dibayar oleh Pelanggan, mempunyai lien am terhadap semua sekuriti dan aset lain Pelanggan yang pada masa ini atau mungkin dari semasa ke semasa disimpan dengan atau dalam pemilikan atau menjadi milik, dijaga atau dikawal atau dipegang atas nama atau atas perintah atau ditanggung oleh Bank sama ada untuk jagaan selamat atau sekuriti atau selainnya atau bagi apa-apa tujuan khusus atau am.

33.2 Nothing contained in this Agreement shall prejudice or affect the rights and remedies or any other security which the Bank may from time to time be entitled to or which the Bank may hold for or on account of the principal sums outstanding from time to time under the Facility or any other monies owing by the Customer to the Bank. Nothing in this Agreement shall also prejudice or affect any bill, note, guarantee, charge or other security which the Bank may for the time being have or hold for any monies lent or advanced, interest thereon and other monies aforesaid or any right or remedy of the Bank under such bill, note, guarantee, charge or other security.

Apa-apa yang terkandung dalam Perjanjian ini tidak akan memudaratkan atau menjejaskan hak dan remedi atau apa-apa sekuriti lain yang mungkin dari semasa ke semasa berhak kepada Bank atau mungkin dipegang oleh Bank atau kerana jumlah pokok yang belum dijelaskan dari semasa ke semasa di bawah Kemudahan atau apa-apa wang lain yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank. Apa-apa yang terkandung dalam Perjanjian ini juga tidak akan memudaratkan atau menjejaskan apa-apa bil, nota, jaminan, cagaran atau sekuriti lain yang mungkin dari semasa ke semasa dimiliki atau dipegang oleh Bank bagi apa-apa wang yang dipinjamkan atau didahulukan, faedah padanya dan wang lain yang disebut sebelum ini atau apa-apa hak atau remedi Bank di bawah bil, nota, jaminan, cagaran atau sekuriti lain tersebut.

34.0 GROUP PRIVACY NOTICE / NOTIS PRIVASI KUMPULAN

34.1 The Customer hereby confirm that the Customer has read, understood and agreed to be bound by the ABB Group Privacy Notice as may relate to the processing of the Customer's personal information. For the avoidance of doubt, the Customer agrees that the said Group Privacy Notice shall be deemed to be incorporated by reference into this T&C.

Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan ABB yang boleh dikaitkan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi Kumpulan tersebut akan dianggap sebagai digabungkan secara rujukan ke dalam Terma & Syarat ini.

34.2 In the event the Customer provides personal and/or financial information relating to third parties, including information relating to the Customer personal reference and dependents for the purpose of opening or operating the Customer account(s)/facility(ies) with us or otherwise subscribing to our products and services, the Customer:

Sekiranya Pelanggan memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan berkenaan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan rujukan peribadi dan tanggungan Pelanggan bagi tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pelanggan dengan kami atau selainnya melanggan produk dan perkhidmatan kami, Pelanggan:

(a) confirm that the Customer has obtained their consent and/or are otherwise entitled to provide this information to us and for us to use it in accordance with this T&C;

mengesahkan bahawa Pelanggan telah mendapat kebenaran mereka dan/atau selainnya berhak memberikan maklumat ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya menurut Terma & Syarat ini;

(b) agree to ensure that the personal and financial information of the said third parties is accurate; and bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; dan

(c) agree to update the Bank in writing in the event of any material change to the said personal and financial information.

bersetuju untuk memberikan maklumat terkini kepada Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan penting pada maklumat peribadi dan kewangan tersebut.

34.3 Where the Customer instructs the Bank to effect any sort of cross border transaction (including to make or receive payments), the details relevant to the cross border transaction (including information relating to those involved in the said transaction) may be received from or sent abroad, where it could be accessible (whether directly or indirectly) by overseas regulators and authorities in connection with their legitimate duties (e.g. the prevention of crime). In instructing the Bank and/or the Bank's agents to enter into any cross border transaction on the Customer behalf, the Customer agrees to the above said disclosures on behalf of the Customer and others involved in the said cross border transaction.

Jika Pelanggan mengarahkan Bank untuk melaksanakan apa-apa jenis urus niaga rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima bayaran), butiran berkaitan urus niaga rentas sempadan itu (termasuk maklumat berkaitan pihak yang terlibat dalam urus niaga tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan tugas mereka yang sah (contohnya pencegahan jenayah). Semasa mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk membuat apa-apa urus niaga rentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan yang tersebut di atas bagi pihak Pelanggan dan pihak lain yang terlibat dalam urus niaga rentas sempadan tersebut.

34.4 The Customer acknowledges that certain communications such as statements of account and the Bank's websites contained standard information regarding the Bank other products and services that cannot be removed without affecting the delivery/provision of the Bank's services and/or products, the operation of the Customer's account(s) and/or facility(ies) with us, and/or additional costs to the Customer.

Pelanggan mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan laman web Bank mengandungi maklumat standard berhubung dengan produk dan perkhidmatan lain Bank yang tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan penyampaian/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk Bank, pengendalian akaun dan/atau kemudahan Pelanggan dengan kami, dan/atau kos tambahan kepada Pelanggan.

34.5 The Bank may use a credit reference agency to help make decisions, for example when the Bank needs to:

Bank boleh menggunakan agensi rujukan kredit untuk membantu dalam membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu:

(a) check details on applications for credit and credit related or other facilities;

menyemak butiran permohonan kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain;

(b) manage credit and credit-related accounts or facilities, including conducting reviews of the Customer's portfolio(s); and/or

menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan kredit, termasuk menjalankan semakan semula terhadap portfolio Pelanggan; dan/atau

(c) recover debts.

mendapatkan semula hutang.

34.6 The Customer will be linked by credit reference agencies to any other names the Customer use or has used, and any joint and several applicants. The Bank may also share information about the Customer and how the customer managing the customer's account(s)/facility(ies) with relevant credit reference agencies.

Pelanggan akan dihubungkan oleh agensi rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang digunakan atau pernah digunakan oleh Pelanggan, dan mana-mana pemohon bersesama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pelanggan dan cara Pelanggan menguruskan akaun/kemudahannya dengan agensi rujukan kredit yang berkenaan.

34.7 The Bank reserves the right to amend this clause from time to time but shall provide 21 calendar days' prior notification to the Customer in writing and place any such amendments on the Bank's websites and/or by placing notices at the banking halls or at prominent locations within the Bank's branches.

Bank berhak meminda fasal ini dari semasa ke semasa tetapi akan memberikan 21 hari kalendar pemakluman kepada Pelanggan secara bertulis terlebih dahulu dan memaparkan apa-apa pindaan tersebut dalam laman web Bank dan/atau meletakkan notis di dewan perbankan atau di lokasi utama di cawangan Bank.

34.8 This clause shall be without prejudice to any other clause in this T&C or in the regulatory requirements of BNM which provides for the disclosure of information.

Fasal ini tidak akan menjejaskan mana-mana fasal lain dalam Terma & Syarat ini atau dalam keperluan kawal selia BNM yang memberikan peruntukan untuk pendedahan maklumat.

35.0 TAX CLAUSE / FASAL CUKAI

35.1 Any sum set out in this Agreement or otherwise payable by any party to any other party shall be considered to be exclusive of any Goods and Services Tax or tax of similar nature such as the Sales and Services Tax ("Tax").

Apa-apa jumlah yang dinyatakan dalam Perjanjian ini atau selainnya yang perlu dibayar oleh mana-mana pihak kepada mana-mana pihak lain akan dianggap tidak termasuk apa-apa Cukai Barang dan Perkhidmatan atau cukai yang sama sifatnya seperti Cukai Jualan dan Perkhidmatan ("Cukai").

35.2 If one party ("Vendor") is required by the terms herein to make a supply to the other ("other party"), such supply shall be made without any charge of Tax by the Vendor in respect of such supply unless such Tax is required by law to be paid by the Vendor in which case the other party shall on demand pay to the Vendor (in addition to the consideration for such supply) a sum equal to the amount of such Tax and the Vendor shall provide the other party with a valid Tax invoice.

Jika satu pihak ("Pembekal") dikehendaki oleh syarat dalam dokumen ini untuk menyediakan bekalan kepada pihak yang lain ("pihak lain"), bekalan tersebut hendaklah dibuat tanpa apa-apa caj Cukai oleh Pembekal berhubung dengan bekalan tersebut melainkan Cukai itu dikehendaki oleh undang-undang supaya dibayar oleh Pembekal, dan dalam kes ini pihak lain hendaklah apabila diminta membayar kepada Pembekal (sebagai tambahan kepada balasan bagi bekalan tersebut) jumlah yang sama dengan amaun Cukai tersebut dan Pembekal hendaklah memberikan invoice Cukai yang sah kepada pihak lain.

35.3 Charges in this Agreement exclude tax that would be imposed in the future to replace existing taxes.

Caj dalam Perjanjian ini tidak termasuk cukai yang akan dikenakan pada masa depan untuk menggantikan cukai sedia ada.

36.0 FORCE MAJEURE / FORCE MAJEURE

36.1 The Bank is not required to undertake its obligations if it is prohibited to do so as a direct or indirect result of any natural disasters, riots, public unrests, terrorist act, labor strikes, lock out, fires, floods, accidents, machine failures or computer/computer system or anything out of the reasonable control of the Bank.

Bank tidak dikehendaki untuk menjalankan obligasinya jika dilarang berbuat demikian sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada apa-apa bencana alam, rusuhan, ketidaktenteraman awam, tindakan pengganas, mogok pekerja, sekat masuk, kebakaran, banjir, kemalangan, kegagalan jentera atau komputer/sistem komputer atau apa-apa yang di luar kawalan munasabah Bank.

37.0 SUCCESSORSHIP / PENGGANTIAN

37.1 This T&C shall be binding upon the heirs, successors, representatives and assigns of the parties to this Agreement.

Terma & Syarat ini akan mengikat waris, pengganti, wakil atau penerima serah hak bagi pihak dalam Perjanjian ini.

38.0 WHISTLE-BLOWING & BUSINESS ETHICS / PEMBERIAN MAKLUMAT & ETIKA PERNIAGAAN

38.1 The Customer shall, as soon as reasonably possible, in writing or orally, inform any of the officers of the Bank, upon having knowledge of any director, officer or employee of the Bank, directly or indirectly, asking for or receiving from the Customer or its Affiliates, any Gratification in relation to this Agreement whether for his own personal benefit or advantage or of the benefit or advantage of any other person, in relation to this Agreement, whether before, during or after the term of this Agreement, and the Customer or its Affiliates knows that such Gratification is not for the benefit of the Bank.

Pelanggan hendaklah, seberapa segera yang mungkin, secara bertulis atau lisan, memaklumkan kepada mana-mana pegawai Bank, selepas mendapat tahu bahawa mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank, secara langsung atau tidak langsung, meminta atau menerima daripada Pelanggan atau Ahli Gabungannya, apa-apa Suapan berhubung dengan Perjanjian ini sama ada untuk manfaat peribadi atau kelebihan sendiri atau bagi manfaat atau kelebihan mana-mana orang lain, berhubung dengan Perjanjian ini, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Perjanjian ini, dan Pelanggan atau Ahli Gabungannya mengetahui bahawa Suapan tersebut bukan bagi manfaat Bank.

38.2 The Customer undertakes that neither it nor its Affiliate nor anyone acting on its direction or authority shall, whether before, during or after the term of this Agreement, directly or indirectly, give or offer, or agree to give or offer, any Gratification in relation to this Agreement as an inducement or reward to any director, officer or employee of the Bank or any other person, for doing or forbearing from doing or for having done or forborne from doing any act, or for showing or forbearing from showing favour or disfavour to any person, in relation to this Agreement.

Pelanggan mengaku janji bahawa Pelanggan mahupun Ahli Gabungannya atau sesiapa yang bertindak atas arahan atau bidang kuasanya tidak akan, sama ada sebelum, semasa atau selepas tempoh Perjanjian ini, secara langsung atau tidak langsung, memberi atau menawarkan, atau bersetuju untuk memberi atau menawarkan, apa-apa Suapan berhubung dengan Perjanjian ini sebagai dorongan atau ganjaran kepada mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank atau mana-mana orang lain, kerana melakukan atau menahan diri daripada melakukan atau telah melakukan atau telah menahan diri daripada melakukan apa-apa tindakan, atau kerana menunjukkan atau menahan diri daripada menunjukkan sokongan atau bantahan kepada mana-mana orang, berhubung dengan Perjanjian ini.

38.3 In the event there is evidence that the Customer, its Affiliate or anyone acting under its direction or authority is in breach of clause (a) or (b) above, the Bank may terminate this Agreement (without prejudice to the Bank's other rights remedies under the law) by giving written notice to the Customer. Upon such termination, the Bank (or any description consistently used in this Agreement) shall be entitled to claim all losses, costs, damages and expenses including any incidental costs and expenses incurred by the Bank arising from such termination. The Customer shall not be entitled to recover from the Bank any loss arising from such termination.

Sekiranya terdapat bukti bahawa Pelanggan, Ahli Gabungannya atau sesiapa yang bertindak di bawah arahan atau bidang kuasanya melanggar fasal (a) atau (b) di atas, Bank boleh menamatkan Perjanjian ini (tanpa memudaratkan hak, remedi Bank yang lain di bawah undang-undang) dengan memberikan notis bertulis kepada Pelanggan. Selepas penamatan tersebut, Bank (atau apa-apa huraian yang digunakan secara konsisten dalam Perjanjian ini) berhak menuntut semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penamatan tersebut. Pelanggan tidak berhak mendapatkan kembali daripada Bank apa-apa kerugian yang timbul daripada penamatan tersebut.

38.4 Notwithstanding any other provision herein but subject to any written law and with the exception of written requests from the Customer's internal auditors or lawyers for information required by any laws, the Bank shall keep confidential any information disclosed or received including the identity of the person giving the information and all the circumstances relating to the information.

Dengan tidak menyentuh apa-apa peruntukan lain dalam dokumen ini tetapi tertakluk kepada apa-apa undang-undang bertulis dan dengan pengecualian permintaan bertulis daripada juruaudit dalaman atau peguam Pelanggan berkenaan maklumat yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, Bank hendaklah memastikan kerahsiaan apa-apa maklumat yang didedahkan atau diterima termasuk identiti orang yang memberikan maklumat tersebut dan semua keadaan yang berhubung dengan maklumat tersebut.

38.5 The Customer shall also whistle-blow in the event of any malpractice or wrong-doing by the Bank's staff or employees toward them or their staff, agents or contractors. The complete whistle-blowing clause is found in www.affingroup.com.

Pelanggan juga hendaklah memberikan maklumat sekiranya terdapat apa-apa amalan seleweng atau salah laku oleh kakitangan atau pekerja Bank terhadap mereka atau kakitangan, ejen atau kontraktor mereka. Fasal pemberian maklumat yang lengkap boleh didapati di www.affingroup.com.

38.6 For the purpose of this clause:

Bagi tujuan fasal ini:

(a) "Affiliate" means in relation to the Customer, any person or entity owned and controlled directly or indirectly by the Customer, or any person or entity that controls directly or indirectly the Customer in any way whatsoever.

"Ahli Gabungan" ertinya berhubung dengan Pelanggan, mana-mana orang atau entiti yang dimiliki dan dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan, atau mana-mana orang atau entiti yang mengawal Pelanggan secara langsung atau tidak langsung dalam apa jua cara sekalipun.

(b) "Gratification" includes any gift, money, property or thing of value or any service, favour or other thing of value, or any service, favour or other intangible benefit or consideration of any kind, or any other similar advantage.

"Suapan" termasuk apa-apa hadiah, wang, harta atau benda bernilai atau apa-apa perkhidmatan, sokongan atau benda bernilai lain, atau apa-apa perkhidmatan, sokongan atau manfaat tak ketara lain atau apa-apa jenis balasan, atau apa-apa kelebihan lain yang serupa.

38.7 The Customer shall demonstrate a high standard of ethical conduct and professionalism in order to safeguard the Bank's good name by taking all necessary safeguards and precautions to alert the commission of any unethical action including any appearance or impression to such effect.

Pelanggan hendaklah menunjukkan standard tingkah laku beretika dan profesionalisme yang tinggi bagi melindungi nama baik Bank dengan mengambil semua langkah perlindungan dan pencegahan yang perlu untuk memberitahu tentang apa-apa tindakan tidak beretika termasuk apabila timbulnya atau disyaki berlakunya perkara tersebut.